

## Taman hiburan ini dijual kepada MCA

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu hari ini orang yang hebohkan mengenai Freemason telah menjual tanah yang didapatinya dari kerajaan kepada MCA.

Katanya orang ini tidak berhenti-henti mengecam MCA dalam dewan ini sebelum ini tetapi tanah yang dijadikan taman hiburan dan diperolehi dari kerajaan dijual kepada MCA juga.

### Perbahasan

Bercakap mengenai Freemason semasa menggulung perbahasan di perhimpunan agung UMNO hari ini, Perdana Menteri berkata, "saya tidak berhasrat untuk menyentuh peribadi tetapi orang ini bukan hari ini sahaja buat kerja ini malah sejak zaman Allahyarham Tun Razak lagi."

Katanya, apa yang beliau cakapkan dalam ucapan dasar mengenai orang tersebut hanya sebahagian sahaja dan beliau bertanya; "saudara-saudara hendak mendengar lagi?" dan secara spontan para perwakilan berkata, "nak".

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir; "orang ini kecam MCA tidak berhenti-henti dalam dewan ini tetapi tanah itu dijual kepada MCA."

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia